

Penahanan Siddiq tak jejas Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Tiga hari sebelum menjadi Perdana Menteri Malaysia keempat, bekas Setiausaha Politiknya ditangkap kerana menjadi agen KGB.

Bagaimanapun, masa tangkapan itu dibuat tidak patut menjejaskan kedudukan politik Datuk Seri Dr. Mahathir.

Sebenarnya, menurut sumber-sumber tertentu, dikaji dari segala kemungkinan, Isnin kelmarin adalah masa paling baik untuk membuat tangkapan itu.

Setelah diawasi selama lebih dua tahun oleh Special Branch, bekas pegawai Datuk Seri Dr. Mahathir, Siddiq Ghouse, boleh ditangkap bulan lalu atau bulan sebelumnya.

Tetapi difikirkan tidak sesuai dari segi politik untuk berbuat demikian sebelum Perhimpunan Agung UMNO bulan lalu, kerana tangkapan itu mungkin mempunyai tujuan politik.

Sebaliknya, jika Encik Siddiq ditangkap selepas 16 Julai, tarikh Datuk Seri Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri baru — sejurus selepas memegang jawatan tertinggi.

Akhirnya, tangkapan Siddiq Ghouse ditetapkan pada hari Isnin 13 Julai, kerana tarikh itu kebetulan bertepatan dengan pembukaan persidangan khas Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea di New York.

Tarikh itu dianggap berpatutan, dalam keadaan Moscow berkempen menentang campurtangan hahlewal dalam negeri Kampuchea dan menuduh Asean berbuat demikian, sedangkan ia sendiri secara halus campurtangan dengan hahlewal dalam negara lain, dalam kes ini Malaysia.

Sementara itu Kementerian Luar masih lagi menunggu sama ada Moscow akan bertindak balas terhadap langkah Malaysia mengusir tiga orang pegawai kedutaannya semalam.

Seorang jurucakap Wisma Putra berkata,

pihaknya menjangka sesuatu reaksi dari Russia tetapi tidak dapat menyatakan bila ia akan datang.

"Kami masih lagi mengambil sikap menunggu dan melihat," katanya.

Bagaimanapun, beliau menambah, sebarang reaksi dari Russia mengenai pengusiran tiga orang pegawainya kerana kegiatan perisikan di sini yang melibatkan bekas Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Encik Siddiq Ghouse sudah tentu mengambil kira kenyataan, "bahawa pihak kita tidak terlibat dalam kegiatan seumpama itu seperti mereka."

Beliau berkata, sesuatu reaksi kadangkala datang sertamerta, bergantung kepada serius tidaknya pihak lain memandangkan tindakan kerajaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia